



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

JANUARI 2015

January 2015



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), JANUARI 2015

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Januari 2015 menurun 1.6 peratus berbanding Disember 2014.
2. Penurunan sebanyak 6.1 peratus telah dicatatkan bagi Pengangkutan disebabkan oleh kos yang rendah bagi pembelian kenderaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan serta perkhidmatan pengangkutan melalui udara. Pakaian dan Kasut juga menurun 7.4 peratus berikutan penurunan harga bagi fabrik kain, kebanyakan pakaian dan baju terpilih, lain-lain keperluan untuk pakaian serta kasut. Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah menurun sebanyak 1.7 peratus disebabkan oleh harga yang rendah bagi kebanyakan perabot dan perhiasan, tekstil isi rumah, peralatan isi rumah, barangan kaca, pinggan mangkuk dan kelengkapan isi rumah serta produk penyelenggaraan dan kebersihan.
3. Sementara itu, peningkatan sebanyak 2.3 peratus telah dicatatkan bagi Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain disebabkan oleh kos yang tinggi bagi sewa kediaman serta barangan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kediaman. Makanan Minuman Ringan juga meningkat sebanyak 0.3 peratus disebabkan oleh peningkatan harga pada daging (0.4 peratus), ikan dan makanan laut (1.1 peratus), susu, produk tenusu dan telur (0.1 peratus), buah-buahan (0.6 peratus), sayur-sayuran (1.3 peratus) serta produk makanan lain

- (0.4 peratus). Restoran dan Hotel juga meningkat sebanyak 0.5 peratus berikutan harga yang tinggi bagi beberapa hidangan terpilih di restoran dan kafe serta perkhidmatan penginapan.
4. IHP bagi Januari 2015 meningkat 0.5 peratus berbanding Januari 2014 yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan indeks Pengangkutan; Restoran dan Hotel; dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain.
 5. IHP ini adalah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Januari 2015 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.



**MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE**

CONSUMER PRICE INDEX (CPI), JANUARY 2015

1. *The Consumer Price Index (CPI) for January 2015 decreased by 1.6 per cent over December 2014.*
2. *A decrease of 6.1 per cent was recorded in Transportation due to lower cost of motor car, maintenance and repair of vehicles as well as passenger transport by air. Clothing and Footwear also decrease by 0.6 per cent following of lower prices of clothing materials, several selected garments, other articles of clothing and clothing accessories as well as shoes and other footwear. Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance decrease by 1.7 due to lower prices of furniture and furnishings, household textiles, household appliances, glassware, tableware and household utensils as well as cleaning and maintenance products.*
3. *On the other hand, an increase of 2.3 per cent was recorded in Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels due to higher cost of rentals for housing as well as materials for the maintenance and repair of the dwelling. Food and Non-Alcoholic Beverages also increase by 0.3 per cent due to higher price of meat (0.4 per cent), fish and seafood (1.1 per cent), milk, dairy products and eggs (0.1), fruits (0.6 per cent), vegetables (1.3 per cent) as well as other food products (0.4 per cent). Restaurants and Hotels also increase by 0.5 per cent*

following of higher prices of selected food item from restaurants and cafes as well as accommodation services.

- 4. CPI for January 2015 increased by 0.5 per cent compared to January 2014, largely due to lower indices of Transport; Restaurants and Hotels; and Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels.*
- 5. CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey. The CPI full report for January 2015 is available from JPKE's website: www.depd.gov.bn.*